



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

PERMOHONAN BAZAR TAHUN BARU CINA BAGI TAHUN 2026 (PENGANJURAN/ EKSPLO/ PERMIT KHEMAH SEMENTARA HADAPAN KEDAI)

Permohonan adalah dibuka kepada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas di dalam kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) yang berkelayakan sebagaimana berikut:

1. PERMOHONAN PENGANJURAN BAZAR TAHUN BARU CINA

Butiran permohonan : **Maklumat Penganjur**

1. 1 salinan kad pengenalan pemohon
2. 1 salinan pendaftaran Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) / Suruhanjaya Koperasi Malaysia
3. 1 salinan Pendaftaran Perniagaan (SSM)(jika berkaitan)
4. Memastikan semua senarai peniaga **hanya warganegara sahaja.**

Maklumat & Dokumen Penganjuran Bazar

1. Tarikh penganjuran dan waktu operasi
2. Gambar lokasi terkini (gambar daripada sumber Google tidak diterima)
3. Pelan lantai susun atur aktiviti penganjuran
4. Jumlah petak dan jumlah peniaga
5. Kadar sewaan yang dikenakan ke atas peniaga
6. 1 salinan surat lantikan kontraktor kebersihan (di bawah lantikan SWCorp)
7. 1 salinan surat kebenaran / perjanjian sewaan yang sah untuk kawasan lapang/ tanah persendirian
8. Sokongan dan kebenaran daripada premis berdekatan (80% sokongan)
9. Surat ulasan / sokongan daripada polis trafik

Cara permohonan : Kepada semua penganjur yang berkelayakan sila hantarkan **satu kertas kerja permohonan penganjuran yang lengkap** bersama-sama maklumat di atas.

2. PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN SEMENTARA EKSPLO (RUANG LEGAR KOMPLEKS BELI BELAH)

- Butiran permohonan : 1. 1 Salinan kad pengenalan.
2. Salinan Pendaftaran Syarikat (Borang 9/ Borang D)
3. Perjanjian Sewa Tapak
- Cara permohonan : Permohonan hendaklah menggunakan
BORANG PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN SEMENTARA KERANA PROMOSI / JUALAN / PAMERAN yang boleh didapati di kaunter Jabatan Pelesenan, Aras 5, Menara MBBB atau layari laman web [BORANG PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN SEMENTARA KERANA PROMOSI/ JUALAN/ PAMERAN](#)

3. PERMOHONAN PERMIT KHEMAH SEMENTARA (HADAPAN PREMIS)

- Butiran permohonan : 1. 1 Salinan kad pengenalan.
2. 1 Surat Kebenaran Ketua Polis Trafik Johor Bahru
3. 1 Salinan Lesen Premis Perniagaan (bagi permohonan khemah di hadapan premis)
4. Salinan Pendaftaran Syarikat/ Persatuan
5. Surat Kebenaran Pemilik Tanah (jika melibatkan tanah persendirian)
6. Gambar Lokasi Tapak/ Pelan Lakaran
- Cara permohonan : Permohonan hendaklah menggunakan
BORANG PERMOHONAN PERMIT KHEMAH SEMENTARA (HADAPAN PREMIS) yang boleh didapati di kaunter Jabatan Pelesenan, Aras 5, Menara MBBB atau layari laman web [BORANG PERMOHONAN PERMIT KHEMAH SEMENTARA \(HADAPAN PREMIS\)](#)

Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat:

**KAUNTER JABATAN PELESENAN, ARAS 5,
MENARA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU,
No.1 Jalan Lingkaran Dalam Bukit Senyum,
80300, Johor Bahru, Johor.**

Sebelum atau pada: **31 Oktober 2025**